



**INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,  
GOVERNMENT AND COMMUNICATION  
(IJLGC)**

[www.ijlgc.com](http://www.ijlgc.com)



## PENGARUH PENDIDIKAN DALAM KEPELBAGAIAN ETNIK SEBELUM DAN SELEPAS MERDEKA DI MALAYSIA

### *THE INFLUENCE OF EDUCATION ON ETHNIC DIVERSITY BEFORE AND AFTER INDEPENDENCE IN MALAYSIA*

Sharifah Darmia Sharif Adam<sup>1\*</sup>, Irma Wani Othman<sup>2\*</sup>, Jais Abdul Hamid<sup>3</sup>, Mohd Sohaimi Esa<sup>4\*</sup>,  
Romzi Ationg<sup>5</sup>, Siti Aidah Lukin @ Lokin<sup>6</sup> & Budi Anto Mohd Tamring<sup>7</sup>

- <sup>1</sup> Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah  
Email: shdarmia@ums.edu.my
  - <sup>2</sup> Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah  
Email: irma@ums.edu.my
  - <sup>3</sup> IPG Kampus Kent, Tuaran, Sabah  
Email: jahwin2009@gmail.com
  - <sup>4</sup> Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah  
Email: msohaimi@ums.edu.my
  - <sup>5</sup> Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah  
Email: mrrationg@ums.edu.my
  - <sup>6</sup> Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah  
Email: sitiaida@ums.edu.my
  - <sup>7</sup> Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah  
Email: budi@ums.edu.my
- \* Corresponding Author

#### Article Info:

##### Article history:

Received date: 15.01.2021  
Revised date: 15.02.2021  
Accepted date: 15.03.2021  
Published date: 30.04.2021

##### To cite this document:

Adam, S. D. S., Othman, I. W., Hamid, J. A., Esa, M. S., Ationg, R., Lukin, S. A., & Tamring, B. A. M. (2021). Pengaruh Pendidikan dalam Kepelbagaian Etnik Sebelum dan Selepas Merdeka di Malaysia. *International Journal of Law,*

#### Abstrak:

Artikel ini membincangkan tentang pengaruh bidang pendidikan dalam kepelbagaian etnik di Malaysia. Malaysia dikenali dengan keunikan masyarakatnya yang terdiri daripada pelbagai etnik seperti Melayu, Cina, India, etnik bumiputera di Sabah, Sarawak dan pelbagai lagi etnik lain. Setiap etnik mempunyai amalan budaya, adat tradisi, kepercayaan agama dan bahasa tersendiri tetapi dapat hidup dalam suasana yang harmoni. Dengan kata lain, kepelbagaian etnik dan perbezaan budaya tidak menjadi penghalang masyarakat majmuk di negara ini untuk hidup bersama secara aman damai. Antara usaha yang dilakukan untuk mewujudkan suasana tersebut adalah melalui sistem pendidikan yang berperanan penting dalam menanamkan semangat nasionalisme dan cintakan negara. Walau bagaimanapun usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai semua negara yang masyarakatnya bersatu padu melalui sistem pendidikan tidak semudah yang disangka kerana terdapat cabaran yang perlu dihadapi. Oleh itu, artikel ini difokuskan untuk

Government and Communication, 6  
(23), 68-84.

DOI: 10.35631/IJLGC.623005.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



membincangkan tentang apakah pengaruh bidang pendidikan dan apakah cabaran yang dihadapi dalam mewujudkan satu sistem pendidikan yang berfungsi sebagai agen penyatuan masyarakat di negara ini. Kajian artikel ini dibuat menggunakan pendekatan analisis kualitatif dan menggunakan kaedah kajian arkib serta kajian perpustakaan untuk memperoleh sumber maklumat kajian. Kajian ini akan menghasilkan satu analisis yang dapat digunakan sebagai rujukan untuk menambah baik atau merangka polisi lebih baik khususnya dalam perkara yang memberikan manfaat terhadap usaha mengukuhkan hubungan antara etnik yang harmoni di Malaysia.

**Kata Kunci:**

Pendidikan; Hubungan Etnik; Masyarakat Majmuk

**Abstract:**

This article discusses the influence of education on ethnic diversity in Malaysia. Malaysia is known for its unique society that is made up of various ethnic groups such as Malay, Chinese, Indian, Sabah, and Sarawak indigenous ethnic groups and many other ethnic groups. Each ethnic group has its own cultural practices, traditional customs, religious beliefs, and language but everyone can live in a harmony. In other words, ethnic diversity and cultural differences are not an obstacle to the plural society in this country to live together peacefully. Among the efforts made to create such an atmosphere is through the education system which plays an important role in instilling the spirit of nationalism and love of country. However, the effort to make Malaysia a country society that is united through the education system is not as easy as expected. There are challenges that need to be faced. Therefore, this article is focused to discuss what is the influence of education and what are the challenges faced in creating an education system that serves as an agent of community unification in the country. The study of this article was made using a qualitative analysis approach and using archival research methods as well as library research to obtain research information sources. This study will produce an analysis that can be used as a reference to improve or formulate better policies, especially in matters that benefit the efforts to strengthen harmonious inter-ethnic relations in Malaysia.

**Keywords:**

Education; Ethnic Relations; Plural Society

**Pengenalan**

Pendidikan memainkan peranan yang sangat signifikan dalam memupuk perpaduan etnik di Malaysia. Selepas mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, sistem pendidikan di negara ini telah dirangka dan digubal untuk mewujudkan masyarakat bersatu padu, mempunyai semangat nasionalisme yang tinggi serta dapat menyumbang terhadap pembangunan negara. Dengan kata lain, sebagai sebuah negara terdiri daripada pelbagai etnik, bidang pendidikan menjadi antara platform utama untuk membentuk generasi yang saling memahami dan bertolak ansur. Bidang pendidikan juga menjadi satu saluran yang berpengaruh dan berkesan dalam usaha memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat di negara ini. Oleh itu, bagi mewujudkan sebuah masyarakat yang harmoni, sistem pendidikan yang dilaksanakan di peringkat sekolah rendah hingga ke institusi pengajian tinggi dikehendaki menanamkan sifat-sifat murni yang dapat membentuk sahsiah generasi yang bersatu padu.

Malaysia bukan saja dikenali dengan keunikan masyarakatnya yang berbilang etnik seperti Melayu, Cina, India, etnik bumiputera Sabah, Sarawak dan lain-lain tetapi juga kaya dengan warisan tradisi pelbagai etnik tersebut. Walaupun jelas setiap etnik ini mempunyai amalan budaya, adat resam, kepercayaan agama dan bahasa masing-masing tetapi mereka dapat hidup bersama dalam suasana harmoni. Situasi ini membuktikan bahawa kepelbagaian etnik dan perbezaan budaya bukanlah penghalang bagi masyarakat majmuk di negara ini untuk hidup dalam suasana aman damai. Namun, keharmonian hubungan antara etnik yang dapat dikecapi pada hari ini bukanlah perkara mudah untuk dicapai tetapi dibentuk melalui pelbagai usaha, kerjasama dan tolak ansur daripada semua pihak. Semangat patriotisme, cintakan negara dan perpaduan antara etnik diterapkan melalui pelbagai agensi dan program sama ada yang dianjurkan oleh pihak kerajaan mahupun badan bukan kerajaan. Patriotisme merangkumi konotasi etika yang mempunyai kesalinghubungan dengan nilai moral masyarakat serta digarap bagi mendukung semangat nasionalisme dan perpaduan budaya bangsa (Irma Wani, Othman, 2019). Antara saluran penting untuk menyemai benih perpaduan ini adalah melalui sistem pendidikan.

Sehingga kini, sistem pendidikan vernakular berorientasikan etnik yang wujud sejak sebelum negara mencapai kemerdekaan lagi terus dikekalkan. Namun, memandangkan sistem pendidikan sedemikian lebih berorientasikan etnik masing-masing menyebabkan ia dilihat sebagai menggalakkan pemisahan kanak-kanak daripada komuniti etnik yang berbeza. Situasi ini dilihat bukan saja menyukarkan matlamat kerajaan untuk mewujudkan perpaduan dalam masyarakat tetapi juga memberi cabaran dalam sistem pendidikan. Oleh itu, artikel ini difokuskan untuk membincangkan tentang apakah pengaruh bidang pendidikan dan apakah cabaran yang dihadapi dalam mewujudkan satu sistem pendidikan yang berfungsi sebagai agen penyatuan masyarakat di negara ini.

### **Latar Belakang Sistem Pendidikan**

Perkembangan latar belakang bidang pendidikan di Malaysia berkait rapat dengan sosiobudaya masyarakatnya yang terdiri daripada pelbagai etnik. Sebelum campur tangan kolonial British di Tanah Melayu, etnik seperti Melayu, Cina dan India telahpun mempunyai sistem pendidikan masing-masing sama ada dalam bentuk tidak formal atau bersifat tradisi. Kemudian, kehadiran kolonial British telah memberi kesan terhadap aspek pendidikan dengan kewujudan sistem pendidikan berorientasikan etnik tertentu dikenali sebagai sistem pendidikan vernakular. Sekolah vernakular merujuk kepada sekolah yang menggunakan bahasa ibunda etnik masing-masing sebagai bahasa pengantar dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Di bawah pentadbiran Pihak kolonial British, pelaksanaan dasar pecah dan perintah telah memberikan kesan terhadap sistem pendidikan. Dasar pecah dan perintah dilaksanakan bagi mengasingkan etnik mengikut komuniti masing-masing dengan tujuan untuk mengelakkan berlakunya konflik (Shamsul Amri Baharuddin, 2012:194). Walau bagaimanapun, situasi ini telah menyumbang terhadap kewujudan sistem pendidikan vernakular. Dalam tempoh masa yang sama juga, tindakan dan usaha setiap etnik untuk mempertahankan warisan budaya serta peradaban masing-masing turut mengukuhkan lagi sistem pendidikan vernakular di Tanah Melayu.

Bagi memahami perkembangan sistem pendidikan di negara ini adalah penting untuk membincangkan sejarah latar belakang etnik di Malaysia. Sebelum kedatangan kolonial British, orang Melayu sudahpun mempunyai sistem pendidikan yang bercorak tradisional.

Sistem pendidikan tradisional merujuk kepada corak pendidikan yang bersifat tempatan tanpa pengaruh sistem pendidikan yang diperkenalkan oleh dunia moden. Sistem pendidikan yang diamalkan dalam masyarakat Melayu pada ketika itu lebih berorientasikan agama iaitu bertujuan untuk mendalami ilmu-ilmu agama Islam dan pengajian Al-Quran. Corak pendidikan sedemikian bermula dengan kedatangan Islam ke negeri-negeri Melayu pada abad ke-14 yang tertumpu di Melaka (Azmah, 2005:258). Sistem pendidikan berorientasikan agama ini dipelopori oleh pendakwah-pendakwah Islam yang datang dari luar (Wong, 1972:7). Oleh itu, Melaka telah menjadi pusat penyebaran dan pendidikan Islam pada abad ke-15.

Di peringkat awal, terdapat dua bentuk sekolah bagi masyarakat Melayu iaitu persekolahan secara tidak formal dan sekolah vernakular. Persekolahan secara tidak formal telah berkembang sejak abad ke-14 hingga abad ke-16 selaras dengan pengembangan ajaran agama Islam (Sufean Hussin, 2002:128). Pendidikan Islam dilakukan di rumah, surau, pondok atau masjid oleh para guru yang terdiri daripada imam dan ulama (Sufean, 2002:128) Dengan kata lain, pengajaran dilakukan di rumah guru tetapi jika terdapat jumlah pelajar yang ramai pengajaran akan diadakan di surau atau masjid. Mata pelajaran yang diajar adalah seperti bahasa Arab, membaca Al-Quran, Tafsir Al-Quran, Hadis, Tasawuf, Fiqah, Tauhid, Sejarah Islam dan Fardhu Ain (Awang Had Salleh, 1980:7). Sistem pendidikan berorientasikan agama Islam ini dikenali sebagai sekolah pondok (Stevenson, 1975:7). Terdapat banyak sekolah pondok didirikan oleh para ulama di Kedah, Pahang, Singapura, Terengganu dan Kelantan (Awang Had Salleh, 1980:7)

Sekolah-sekolah pondok ini dibuka oleh golongan yang pernah mendapat pengajian agama sama ada dari dalam atau luar Tanah Melayu. Sebagai contohnya, adalah seperti Tuan Guru Haji Hussain Mohd Karim yang membuka sekolah pondok di Bohor, Kedah (Awang Had, 1981:6) dan Syeikh Abdul Malik bin Abdullah yang membuka sekolah pondok di Pulau Manis, Terengganu. Pendidikan di sekolah pondok semakin berkembang pada abad ke-19 dan 20 di Terengganu dengan pembukaan sekolah pondok seperti sekolah pondok Haji Mat Shafie, Losong, Pondok Haji Abbas, Tuk Jering, Pondok Tok Faqih, Kuala Berang dan Pondok Bukit Puteri, Besut (Azmah, 2005:261-262). Manakala di Kelantan pula dibuka sekolah pondok seperti Pondok Kubang Pasu, Pondok Tuan Padang, Pondok Padang Jelapang, Pasir Mas, Pondok Kenali, Kubang Kerian dan Pondok Bunut Payong, Kota Bharu. Di Kedah terdapat Sekolah Pondok Titi Gajah, Sekolah Pondok Langgar, Pondok Haji Othman bin Mohd Zain, Alor Gunchai, Pondok Lebai Teh, Pulau Kerengga, Alor setar, Pondok Haji Abdullah bin Haji Ali dan Pondok Pokok Sena (Azmah, 2005:262).

Guru-guru yang mengajar di sekolah pondok ini dipanggil syeikh atau Syed bagi guru yang berketurunan Arab dan dipanggil ustaz atau haji bagi guru berketurunan Melayu (Azmah, 2005:259). Sekolah pondok menyediakan pendidikan di peringkat rendah dan menengah. Bahasa Melayu dan bahasa Arab digunakan sebagai bahasa pengantar. Melalui sistem pendidikan sekolah pondok juga terhasil tulisan jawi iaitu tulisan Arab yang disesuaikan dengan bahasa Melayu (Rauf, 1967:105). Tulisan jawi menjadi tulisan utama di sekolah pondok sebelum pengenalan tulisan rumi. Pelajar yang berjaya menamatkan pelajaran dengan keputusan cemerlang daripada sekolah pondok berpeluang untuk melanjutkan pelajaran mereka ke luar negara seperti Indonesia, India dan Mesir (Shamsul Amri, 2012:195).

Sistem sekolah pondok mendapat sambutan yang sangat menggalakkan daripada masyarakat Melayu kerana tidak ada banyak pilihan yang ada pada ketika itu untuk pendidikan anak-anak mereka. Selain itu, pendidikan berteraskan agama turut menarik minat ibu bapa menghantar

anak-anak mereka mengikuti pengajian agama di sekolah pondok. Hal ini kerana pendidikan agama menjadi sesuatu perkara utama bagi ibu bapa Melayu yang beragama Islam. Pengajian di sekolah pondok juga menjadi pilihan kerana ia tidak memerlukan kos perbelanjaan yang tinggi malahan tiada sebarang yuran pengajian yang dikenakan kepada pelajar (Azmah, 2005:261-262). Kemudahan tempat tinggal juga disediakan bagi pelajar yang tinggal jauh daripada sekolah pondok bagi membolehkan mereka mengikuti pengajian.

Sekolah vernakular Melayu ditubuhkan oleh kerajaan kolonial British dan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar (Shamsul Amri, 2012:195). Dari segi sukatan pelajaran, tumpuan diberikan terhadap membaca, mengira, menulis, ilmu pertukangan, anyaman dan pertanian (Shamsul Amri, 2012:195). Dengan erti kata lain, kerajaan British mendirikan sekolah vernakular Melayu untuk memberikan anak-anak Melayu pendidikan asas yang sesuai dengan keperluan kehidupan mereka di kampung. Pelajar lepasan sekolah vernakular Melayu yang berkelayakan berpeluang menyambung pelajaran di Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI) (Roff, 2014:156-160). Walaupun begitu, pelajar lepasan sekolah vernakular Melayu tidak mendapat peluang untuk menyandang jawatan tinggi dalam pentadbiran kerajaan British berbanding pelajar lulusan daripada sekolah Inggeris (Shamsul Amri, 2012:195).

Situasi ini turut dapat dilihat dengan jelas melalui pengambilan kakitangan Perkhidmatan Awam Malaya (Malayan Civil Service - MCS). Hanya sebilangan kecil orang Melayu yang dilantik ke jawatan rendah terdiri daripada anak-anak golongan bangsawan. Sebagai contohnya pada tahun 1917, Raja Said Tauphy anak kepada Almarhum Sultan Abdullah Muhammad Shah, Raja Kecil Tengah, Perak merupakan orang Melayu pertama dilantik untuk menyertai MCS (Yeo, 1982:163). Raja Said Tauphy dan seorang lagi anak kepada Almarhum Sultan Abdullah Muhammad Shah telah mendapat pendidikan di Melaka dan kemudian diterima berkhidmat sebagai pegawai di peringkat rendah (Roff, 2014:107). Selain itu, terdapat 5 orang Melayu lagi memegang jawatan pegawai di peringkat rendah iaitu sebagai pegawai tanah di negeri masing-masing dan 2 orang pembesar yang dilantik menjadi Pesuruhjaya Penghulu (F.M.S. Civil List, 1904).

Jumlah pelantikan orang Melayu dalam MCS yang sedikit semasa di bawah pentadbiran kerajaan British bukan sahaja disebabkan kurangnya kesedaran terhadap penglibatan mereka dalam perkhidmatan tersebut tetapi situasi ini berkait rapat dengan keadaan orang Melayu yang rata-ratanya begitu ketinggalan dalam aspek pendidikan khususnya di peringkat pendidikan tinggi sedangkan ia menjadi salah satu kayu pengukur kelayakan bagi seseorang calon untuk menyertai MCS (Sharifah Darmia Sharif Adam, 2018: 59). Berdasarkan keadaan pada masa tersebut didapati hanya terdapat sebilangan kecil sahaja orang Melayu telah mendapat pendidikan di sekolah dan kebanyakannya cuma lulus setakat darjah rendah sekolah Melayu (Sharifah Darmia, 2018: 73). Di samping itu, mereka juga sekadar tahu membaca dan menulis bahasa Melayu dalam bentuk yang paling asas. Dengan itu, kerajaan British beranggapan mereka ini tidak berkelayakan memegang jawatan sebagai pegawai MCS jika dibandingkan dengan pegawai-pegawai British yang jauh lebih berkelayakan. Selain itu, tidak mendapat pendidikan di sekolah Inggeris juga menjadi antara sebab orang Melayu tidak dilantik untuk berkhidmat dalam MCS. Hal ini jelas terbukti apabila kerajaan British membawa masuk orang berketurunan Ceylon, India dan Serani yang mempunyai pendidikan Inggeris jawatan untuk mengisi jawatan seperti kerani (Sharifah Darmia, 2018: 74).

Kerajaan British menubuhkan sekolah vernakular Melayu dengan matlamat supaya anak-anak Melayu mendapat pengetahuan yang asas. Perkara ini dapat dilihat melalui kenyataan yang



terkandung dalam Laporan Tahunan Negeri-negeri Selat pada tahun 1903 yang menyebutkan seperti berikut:

*“Memberi pelajaran permulaan yang membolehkan orang kampung menyimpan catitan mudah dan dengan demikian melindungi dia daripada penipuan-penipu yang tidak bertimbang rasa yang dikalangan penduduk bercampur ini, sentiasasahaja sedia untuk mengambal kesempatan dari kejahilan”* (Awang Had, 1981:1)

Terdapat satu lagi kenyataan yang menggambarkan tujuan kerajaan kolonial British mendirikan sekolah vernacular Melayu menerusi kenyataan George Maxwell seperti berikut”

*“Tujuan kerajaan bukanlah hendak mengadakan segelintir pemuda yang berpendidikan baik, tidak juga sebilangan budak yang kurang terdidik, melainkan ialah untuk menbaiki keadaan bilangan terbesar penduduk dan menjadikan anak Melayu atau anak petani seorang nelayan atau petani yang lebih cerdik daripada bapanya. Serta menjadikan ia mengerti, menerusi pelajarannya, bahawa peluangnya dalam hidup ini adalah sesuai dengan cara hidup di sekelilingnya”* (Awang Had, 1981:2)

Berdasarkan kenyataan tersebut, jelas digambarkan matlamat pendidikan yang diberikan oleh kerajaan kolonial British terhadap orang Melayu. Kerajaan British sebenarnya tidak berniat untuk memberikan pendidikan yang membolehkan anak-anak Melayu mendapat ilmu pengetahuan yang membolehkan mereka memasuki sektor pekerjaan dan memperbaiki taraf kehidupan mereka. Keadaan ini berlaku kerana kebimbangan kerajaan British sekiranya anak-anak Melayu diberikan pendidikan tanpa batasan mereka akan bangkit menentang kerajaan British (Azmah, 2005:279). Kebimbangan ini juga dapat dilihat dengan jelas melalui ucapan Arthur Noel Kenion seperti berikut:

*“Awak boleh mengajar orang-orang Melayu awak itu, supaya mereka tinggal terus di sawah-sawah padi dan supaya mereka tidak hilang kemahiran dan kesenian dalam kerja-kerja menangkap ikan dan kerja-kerja hutan. Ajarkan mereka supaya memuliakan kerja-kerja buruh supaya mereka menjadi petani dan saya yakin awak tidak akan menghadapi kekacauan seperti yang terjadi di India akibat pelajaran berlebihan”* (Awang Had, 1981:3)

Dengan matlamat pendidikan kerajaan British yang sedemikian menyebabkan semangat nasionalisme dalam kalangan orang Melayu lambat berkembang. Semangat perjuangan menentang penjajah dalam kalangan orang Melayu dimulai oleh mereka yang mendapat pendidikan Islam iaitu pergerakan Islah Islam pada awal abad ke-20 (Azmah, 2005:279). Hanya pada tahun 1930-an barulah anak-anak Melayu yang mendapat pendidikan Melayu mula memperlihatkan semangat perjuangan mereka untuk menentang penjajah (Azmah, 2005:279). Walau bagaimanapun, dengan bilangan mereka yang kecil dan bersifat radikal, perjuangan anak-anak Melayu yang diketuai oleh tokoh seperti Ibrahim Yaakob ini tidak mendapat sokongan menyeluruh daripada masyarakat Melayu (Azmah, 2005:279).

Pendidikan bagi etnik Cina di Tanah Melayu telah bermula seawal abad ke-19 selaras dengan penghijrahan secara besar-besaran orang Cina ke Tanah Melayu. Kedatangan orang Cina ke Tanah Melayu adalah untuk memenuhi keperluan tenaga buruh dalam sektor perlombongan

bijih timah dan faktor kesusahan hidup di negara asal mereka seperti pergolakan politik, bencana alam dan kepadatan penduduk terutama di bahagian utara China (Purcell. V., 1967:1-12). Dalam aspek pendidikan, sebelum tahun 1900 lagi orang Cina telah menubuhkan sekolah tersendiri yang menjurus kepada pendidikan Cina klasik menggunakan sukatan pelajaran yang lebih kepada pemahaman penulisan Cina klasik (Shamsul Amri, 2012:196). Kemudian, semasa pentadbiran kerajaan kolonial British pada peringkat awal kerajaan mengambil dasar tidak campur tangan terhadap pendidikan orang Cina. Oleh itu, Masyarakat Cina telah mengambil tindakan untuk mendirikan sendiri sekolah untuk anak-anak mereka. Orang Cina telah mendirikan sekolah-sekolah persendirian yang dibiayai sendiri dan menggunakan bahasa pengantar mengikut dialek masing-masing. Sekolah persendirian Cina ini juga terdapat di Sabah dan Sarawak (Azmah, 2005:289).

Terdapat 3 jenis sekolah Cina yang ditubuhkan di Tanah Melayu sebelum campur tangan kerajaan British iaitu:

1. Sekolah yang dikendalikan oleh persatuan-persatuan tertentu. Biasanya dikaitkan dengan komuniti dan penduduk daerah terbabit.
2. Sekolah-sekolah awam yang dikendalikan oleh seorang atau dua guru yang fungsinya tidak menepati ciri-ciri sekolah, sebaliknya mempunyai muslihat lain. Biasanya ia mempunyai muslihat kewangan yang dikumpulkan untuk tujuan tertentu.
3. Sekolah-sekolah persendirian yang dikendalikan oleh sekumpulan guru. Sekolah-sekolah ini mengenakan kadar yuran yang sangat minimum (Purcell, 1967:225).

Pada tahun 1920-an, kebangkitan semangat nasionalisme di China seperti fahaman Koumintang dan Komunis telah menular masuk ke Tanah Melayu melalui sekolah Cina. Keadaan ini memberi kesan terhadap berleluasanya pengaruh sentimen anti imperialism dan anti British dalam kalangan komuniti Cina. Berikutan itu, kerajaan British mengambil tindakan tegas dengan menggubal Enakmen Pendaftaran Sekolah untuk membolehkan mereka mengawal pendidikan Cina dan mengurangkan campur tangan daripada persatuan-persatuan Cina (Shamsul Amri, 2012:196). Dengan itu, mulai tahun 1920, kerajaan British telah memperkenalkan undang-undang bagi mengawal kegiatan sekolah dan guru-guru sekolah Cina. Semua sekolah perlu didaftarkan dan tiada sekolah baru yang ditubuhkan (Azmah, 2005:290). Kemudian pada tahun 1924, sebahagian besar sekolah Cina berkenaan telah mendapat bantuan kewangan daripada kerajaan (Shamsul Amri, 2012:197). sekaligus membolehkan kerajaan British memantau sekolah terbabit. Walau bagaimanapun, sekolah Cina terus berkembang pesat dengan pembukaan lebih banyak sekolah. Dari segi kurikulum sekolah Cina pula didapati telah disusun semula dengan berorientasikan Tanah Melayu. Bahasa Melayu menjadi antara mata pelajaran yang diajar selaras dengan kedudukannya sebagai bahasa rasmi (Azmah, 2005:292). Keadaan ini dilihat sejajar dengan matlamat kerajaan untuk mewujudkan masyarakat yang bersatu padu di Tanah Melayu.

Sekitar tahun 1880 hingga 1890 didapati kedatangan etnik India ke Tanah Melayu semakin meningkat. Peningkatan ini berkait rapat dengan keperluan buruh untuk memenuhi kehendak pasaran getah British ke Eropah Barat (Shamsul Amri, 2012:197). Sebagaimana orang Melayu dan orang Cina, masyarakat India juga mempunyai sistem pendidikan yang tersendiri. Di peringkat awal, kerajaan British mengambil dasar tidak campur tangan terhadap pendidikan bagi masyarakat India. Namun begitu, pada tahun 1923 kerajaan British telah menggubal satu akta buruh yang mewajibkan pengusaha-pengusaha ladang dan estet mendirikan sekolah di

ladang masing-masing sekiranya terdapat 10 atau lebih kanak-kanak pada usia antara 6 tahun hingga 12 tahun (Azmah, 2005:293). Namun, di peringkat ini kerajaan British masih meneruskan dasarnya untuk tidak campur tangan dalam pendidikan masyarakat India sebaliknya ia dikendalikan sepenuhnya oleh pengusaha-pengusaha ladang (Azmah, 2005:293-294). Keadaan ini menyebabkan tidak berlaku peningkatan yang memberangsangkan dalam pendidikan untuk etnik India.

Kebanyakan sekolah-sekolah Tamil yang didirikan hanya untuk mematuhi akta buruh dan menjadikannya sebagai satu tarikan kepada buruh-buruh India untuk datang dan bekerja di ladang mereka memandangkan terdapat kemudahan pendidikan disediakan bagi anak-anak mereka (S. Arasaratnam, 1970:179-180). Selain itu, dari segi kemudahan fizikal didapati juga sekolah-sekolah Tamil dalam keadaan daif dan serba kekurangan. Sekolah Tamil yang didirikan oleh pengusaha ladang dan estet mengutamakan penerapan nilai-nilai ketamilsian seperti penggunaan bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar, sukatan pelajaran yang diambil dari India (Shamsul Amri, 2012:197) dan guru-guru yang kebanyakannya diambil daripada kalangan pekerja di ladang atau estet yang celik huruf (Azmah, 2005: 294). Terdapat juga guru yang diambil terus daripada India tetapi komitmen mereka sangat mendukacitakan kerana mereka hanya menggunakan profesion perguruan sebagai batu loncatan untuk mendapatkan pekerjaan yang lebih baik pada masa hadapan (Arasaratnam, 1970:179-180). Memandang persekitaran sekolah Tamil yang serba kekurangan dan pendidikan hanya diberikan di peringkat sekolah rendah sahaja menyebabkan lulusan sekolah Tamil tidak berpeluang untuk memegang jawatan tinggi dalam pentadbiran kerajaan British di Tanah Melayu (Shamsul Amri, 2012:197).

Sekolah Inggeris merupakan institusi pendidikan moden yang diperkenalkan oleh kerajaan British melalui penubuhan Penang Free School pada tahun 1816 (Shamsul Amri, 2012:197). Sekolah ini dibina oleh mubaligh Kristian dan menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar (Azmah, 2005:296). Selepas pertengahan abad ke-19, perkembangan sekolah-sekolah Inggeris di Tanah Melayu banyak bergantung kepada usaha persatuan pengembang agama Kristian (Cheeseman, 1979:127). Kerajaan British kemudiannya mengambil alih sekolah ini untuk dijadikan platform menghasilkan pegawai tadbir rendah yang dapat membantu memenuhi keperluan kuasa pentadbiran British (Shamsul Amri, 2012:197). Sekolah ini dibuka kepada semua etnik namun kebanyakan anak-anak daripada etnik Cina dan India yang tinggal di kawasan bandar berpeluang memasuki sekolah ini. Sementara itu, bagi masyarakat Melayu anak-anak daripada kelas atasan akan mendapat keutamaan memasuki sekolah tersebut (Shamsul Amri, 2012:198).

Sebelum abad ke-20, sekolah Inggeris tidak mendapat sambutan daripada komuniti Melayu. Hal ini disebabkan oleh beberapa faktor seperti masalah kewangan dan lokasi sekolah Inggeris yang biasanya dibina di kawasan bandar, Selain itu, pentadbiran sekolah-sekolah tersebut yang ditadbir oleh persatuan agama Kristian menyebabkan masyarakat Melayu bimbang anak-anak mereka akan menukar agama sekiranya dihantar ke sekolah-sekolah tersebut (Azmah, 2005:297-301). Dari segi kemudahan pula, sekolah Inggeris mempunyai kemudahan pembelajaran yang baik memandangkan sekolah ini dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan Inggeris (Azmah, 2005:298). Silibus dan kurikulum sekolah ini juga dikaji serta dipertingkatkan dari semasa ke semasa menjadikannya lebih teratur. Terdapat sistem peperiksaan yang diadakan untuk menilai pelajar pada setiap tahun dan hanya pelajar cemerlang dapat meneruskan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi (Azmah, 2005:299).



Selain itu, pelajar lepasan sekolah Inggeris juga boleh melanjutkan pelajaran di peringkat kolej atau universiti sama ada di dalam atau luar negara (Shamsul Amri, 2012:198). Sebagai contohnya, mereka boleh melanjutkan pelajaran di England kerana sistem pendidikan sekolah Inggeris di Tanah Melayu diselaraskan mengikut sistem pendidikan di negara berkenaan (Azmah, 2005:299). Perkara ini membolehkan lulusan sekolah Inggeris mendapat peluang yang lebih luas untuk menjawat jawatan tertentu dalam pentadbiran kerajaan British. Sungguhpun demikian, masih terdapat ramai orang Melayu tidak mahu menghantar anak-anak mereka ke sekolah Inggeris. Antara sebabnya adalah kerana yuran sekolah yang tinggi, kedudukan sekolah yang jauh daripada tempat tinggal dan tempoh tamat pengajian yang agak lama (Azmah, 2005:301).

Secara keseluruhannya, sistem pendidikan untuk masyarakat yang pelbagai etnik di Tanah Melayu pada peringkat awal dilihat lebih menjurus kepada mengekalkan dan mempertahankan nilai etnik masing-masing. Oleh itu, selepas mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 (Ramlah Adam, 2009; *Straits Times*, 31 Ogos 1957; Perjanjian & Dokumen Lama Malaysia 1791-1965, 2013; Andaya & Andaya, 1983; Tunku Abdul Rahman, 1977; Ishak, 2009), kerajaan Persekutuan Tanah Melayu telah mengambil tindakan melakukan pelbagai usaha untuk melahirkan masyarakat yang bersatu padu di negara ini.

### **Pengaruh Pendidikan Dalam Kepelbagaian Etnik Sebelum dan Selepas Merdeka**

Pendidikan merupakan satu saluran yang berpengaruh dan berkesan dalam usaha memupuk perpaduan masyarakat pelbagai etnik di negara ini. Oleh itu, pelbagai usaha dilakukan oleh kerajaan untuk mewujudkan sistem pendidikan yang dapat membentuk masyarakat yang bersatu padu. Peranan sistem pendidikan dalam mewujudkan hubungan etnik yang harmoni ini dapat dilihat melalui dasar dan jawatankuasa mengkaji aspek pendidikan yang ditubuhkan oleh kerajaan kolonial British sebelum merdeka dan kerajaan Persekutuan Tanah Melayu selepas merdeka. Selepas tamatnya Perang Dunia Kedua, kerajaan British di Tanah Melayu menumpukan usaha untuk mengubah dasar pendidikan yang menumpukan ke arah penyatuan komuniti etnik berbeza (Shamsul Amri, 2012:200). Dengan itu timbullah Rancangan Cheeseman 1946 yang menekankan 3 aspek utama seperti berikut:

- i. Pendidikan rendah percuma melalui bahasa ibunda.
- ii. Bahasa Inggeris diajar kepada semua pelajar pada peringkat rendah dan pelajar yang berkebolehan akan meneruskan pengajian ke peringkat menengah yang menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar.
- iii. Peluang pendidikan yang sama turut diberikan kepada kanak-kanak perempuan (Alis Puteh, 2015:81).

Bagaimanapun dasar Cheeseman telah diperdebatkan dari sudut penggunaan bahasa pengantar, yuran, jenis latihan, perguruan dan jangka masa dasar tersebut dapat dilaksanakan. Di samping itu, komuniti Cina juga membangkitkan isu berkenaan peluang untuk memasuki sekolah-sekolah Inggeris. Bagaimanapun, dasar ini tidak dapat dilaksanakan kerana kekurangan guru bahasa Inggeris dan tiada kuasa untuk melaksanakan dasar tersebut (Alis Puteh, 2015:81).

Kemudian kerajaan British mengarahkan Alexander Carr-Saunders untuk mengetuai satu jawatankuasa bagi merangka pendidikan tahap universiti di Tanah Melayu (Alis Puteh, 2015:81). Pada bulan Mei 1948, laporan jawatankuasa Carr-Saunders diterbitkan dengan cadangan satu universiti dibentuk dengan menggabungkan Raffles College dan King Edward VII Medical College pada bulan Oktober 1948 (Alis Puteh, 2015:81). Walau bagaimanapun,

orang Melayu khususnya lulusan daripada sekolah Melayu menolak cadangan tersebut dan mengesa kerajaan British memperbaiki pendidikan rendah Melayu terlebih dahulu. Manakala bagi golongan orang Melayu lulusan sekolah Inggeris pula mereka mempersetujui cadangan berkenaan yang dilihat dapat menyediakan orang Melayu dalam bidang pentadbiran (Shamsul Amri, 2012:201). Sementara itu, bagi komuniti Cina dan India pula kedua-duanya mengusulkan supaya bahasa dan budaya mereka tetap dipertahan dan dilindungi daripada terhakis.

Tindakan kerajaan British dalam menjadikan pendidikan sebagai agen penyatuan antara kaum di Tanah Melayu kemudiannya dapat dilihat melalui penubuhan Jawatankuasa Antara Kaum pada bulan Januari 1949 (Alis Puteh, 2015:82-83). Matlamat penubuhannya adalah untuk memupuk kerjasama dalam masyarakat majmuk. Berikut adalah kaedah yang dicadangkan untuk mencapai perpaduan tersebut:

- i. Pengajaran subjek bahasa Melayu dan bahasa Inggeris di sekolah rendah.
- ii. Penubuhan sekolah kebangsaan bagi menyatukan etnik yang berbeza dengan penggunaan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar.
- iii. Bahasa ibunda etnik lain boleh diajar (Fennell, 1968).

Namun demikian, perpaduan yang dihasratkan itu tidak mudah untuk dicapai kerana setiap komuniti etnik yang berlainan berusaha kuat untuk mempertahankan dan mengekalkan sistem pendidikan masing-masing.

Seterusnya pada tahun 1951, kerajaan membentuk pula Jawatankuasa Laporan Barnes yang dipengerusikan oleh L.J. Barnes dari University Oxford. Di bawah jawatankuasa ini kerajaan British turut melantik 9 wakil Melayu dan 5 orang Inggeris (Alis Puteh, 2015:85). Matlamat penubuhannya adalah untuk memperbaiki bentuk pendidikan orang Melayu (Shamsul Amri, 2012:202). Dalam laporan tersebut dicadangkan penggunaan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar di sekolah rendah. Ideanya untuk menekankan penggunaan dwibahasa di sekolah untuk mewujudkan perpaduan antara etnik. Oleh itu, dicadangkan juga supaya sekolah vernakular dimansuhkan dan digantikan dengan sistem sekolah kebangsaan yang mewajibkan penggunaan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar (Shamsul Amri, 2012:202). Bagaimanapun, laporan ini tidak mendapat sokongan orang bukan Melayu khususnya etnik Cina. Komuniti bukan Melayu mengkritik laporan Barnes sebagai satu dokumen bersifat *Anglo-Malay* dan melihat sistem sekolah kebangsaan dan penghapusan sekolah vernakular Cina sebagai satu langkah mengugat kedudukan bahasa dan budaya tradisi mereka (Alis Puteh, 2015:85).

Rentetan itu, pada tahun yang sama juga lahirlah Laporan Fenn-Wu untuk mengkaji sistem pendidikan Cina di Tanah Melayu. Jawatankuasa laporan tersebut dipengerusikan oleh William P. Fenn yang merupakan seorang ahli Lembaga Amanah Sekolah Tinggi Cina dan Wu Teh Yao merupakan seorang pakar daripada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). Laporan jawatan kuasa Fenn-Wu mencadangkan sistem pendidikan *trilingual* (Alis Puteh, 2015:91). Terdapat 3 usul utama yang dicadangkan iaitu:

- i. Mempertahankan kedudukan sekolah Cina dan mendesak kerajaan memberikan bantuan kewangan.
- ii. Mempertahankan kedudukan bahasa Cina sebagai salah satu bahasa besar didunia menjadi faktor sekolah vernakular tidak boleh dihapuskan.

- iii. Menggesa sekolah Cina tidak memfokus bentuk, kaedah dan sukatan pendidikan dari China kerana mereka telahpun mendiami Tanah Melayu. (Shamsul Amri, 2012:203).

Laporan ini memberikan gambaran yang jelas terhadap kesukaran kerajaan untuk menjadikan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan. Keadaan ini disebabkan tindakan orang bukan Melayu yang masih begitu kuat mempertahankan bahasa masing-masing.

Oleh itu, pada tahun berikutnya, kerajaan British telah meluluskan Ordinan Pendidikan 1952. Dalam Ordinan itu, bahasa pengantar yang digunakan di sekolah adalah sama ada bahasa Inggeris atau bahasa Melayu (Alis Puteh, 2015:98). Bagaimanapun, jika terdapat lebih daripada 15 orang kanak-kanak bukan Melayu dalam satu sekolah, bahasa Cina dan bahasa Tamil boleh diajar (Alis Puteh, 2015:98). Ordinan ini turut berhadapan dengan kesukaran kerana setiap etnik masih terus berusaha meneruskan warisan bahasa dan budaya masing-masing. Bagi orang Melayu penggunaan bahasa Inggeris dilihat sebagai mengugat kedudukan bahasa Melayu. Situasi yang sama turut dirasai oleh orang Cina dan Tamil yang menolak ordinan tersebut kerana bimbang akan menghapuskan bahasa dan budaya mereka.

Apabila Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, Penyata Razak 1956 (Ordinan Pelajaran 1957) (Penyata Jawatan-kuasa Pelajaran 1956) menjadi dasar pendidikan pertama yang diterima pakai. Menyedari kepentingan perpaduan kebangsaan yang menuntut kesefahaman di kalangan penduduk yang berbilang kaum di Tanah Melayu, Penyata Razak berpendapat bahawa bahasa dan pendidikan merupakan satu medium yang amat sesuai untuk mencapai matlamat tersebut. Justeru itu, kedudukan bahasa kebangsaan di bawah Penyata Razak dapat diteliti melalui cadangan-cadangan yang dikemukakan. Sebelum tahun 1957, sukatan pelajaran murid Cina dan India diambil dari negara asal mereka menyebabkan sukatan pelajaran di sekolah Cina dan Tamil lebih memberikan tumpuan terhadap hal-ehwal negara China dan India. Keadaan sebegini sudah pastinya akan menyekatkan perkembangan bahasa kebangsaan di samping mendalamkan lagi jurang antara kaum di Tanah Melayu.

Oleh itu, sebagai usaha untuk memperluaskan penggunaan bahasa kebangsaan di kalangan murid-murid dari pelbagai kaum, Penyata Razak yang menjadi Ordinan Pelajaran 1957 selepas negara mendapat kemerdekaan telah mengesyorkan agar semua sekolah menggunakan sukatan pelajaran yang sama termasuklah sekolah Cina dan sekolah Tamil. Bahasa kebangsaan iaitu bahasa Melayu pula dijadikan bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan kebangsaan. Sementara itu, sebahagian besar daripada mata pelajaran utama seperti sejarah, geografi dan sastera akan ditumpukan kepada hal-ehwal Tanah Melayu. Berhubung perkara tersebut, Penyata Razak telah menjelaskan pendiriannya sebagaimana yang terkandung dalam perenggan 12 penyata tersebut yang berbunyi:

*“Kami percaya juga yang tujuan dasar pelajaran di dalam negeri ini ialah bermaksud hendak menyatukan budak-budak dari semua bangsa di dalam negeri ini dengan memakai satu peraturan pelajaran yang meliputi semua bangsa dengan menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar yang besar walaupun perkara ini tiada dapat dilaksanakan dengan serta merta melainkan hendaklah diperbuat dengan beransur-ansur”*(Mastika, November 1960:6).

Apabila Perikatan berjaya memenangi pilihan raya 1959, satu Jawatankuasa Kaji Semula dibentuk dan hasilnya lahirlah Laporan Rahman Talib 1960 yang menjadi asas Akta Pelajaran 1961 dan Dasar Pelajaran Kebangsaan. Pada asasnya, Laporan Rahman Talib ini bersetuju dengan Penyata Razak justeru itu hanya terdapat beberapa syor tambahan dilakukan. Menyentuh perihal bahasa Kebangsaan, Laporan Rahman Talib mengemukakan syor untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di peringkat sekolah dan universiti. Hal ini dapat dilihat berdasarkan pernyataan yang berbunyi:

*“The educational policy of the Federation... is to establish a national system of education which will satisfy the needs of the nation and promote its cultural, social, economic and political development... and for the progressive development of an educational system in which the national language is the main medium of instruction”* (Federation of Malaya, *The Education Act*, 1961).

Selain itu, antara isi kandungan yang terdapat dalam Laporan Rahman Talib ialah semua peperiksaan rasmi di peringkat sekolah dijalankan dalam bahasa rasmi iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Antara syor-syor yang melibatkan kedudukan dan peranan bahasa Melayu dalam Akta Pelajaran 1961 (Raja Mukhtaruddin Raja Mohd. Dain, 1992:101) ialah:

- i) Pelajaran rendah dalam bahasa kebangsaan dimajukan dengan mengadakan pelajaran menerusi bahasa kebangsaan di sekolah yang dahulunya sekolah rendah kerajaan dengan syarat ada guru yang sesuai dan semua sekolah rendah bantuan akan diubah menjadi sekolah kebangsaan ataupun sekolah jenis kebangsaan dengan mengadakan guru yang mendapat latihan yang sesuai.
- ii) Bantuan separuh kerajaan kepada sekolah menengah Cina dimansuhkan mulai Januari 1960. Sekolah ini bagaimanapun boleh menerima bantuan penuh sekiranya bahasa pengantar pengajaran diubah kepada bahasa Melayu atau bahasa Inggeris dan sekolah tersebut menyediakan murid-muridnya untuk Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran atau Sijil Persekutuan Tanah Melayu atau Sijil Seberang Laut.
- iii) Semua peperiksaan awam ini di sekolah menengah diadakan dalam salah satu bahasa rasmi sahaja. Ini bererti bahawa Peperiksaan Menengah Rendah III Kerajaan atau Peperiksaan Meningkat ke Sekolah Menengah Cina yang mula diadakan sejak tahun 1947, dan Peperiksaan Menengah Atas III Kerajaan atau Peperiksaan Sijil Berhenti Sekolah Menengah Cina yang mula diadakan pada tahun 1951, dimansuhkan.
- iv) Langkah hendaklah diambil untuk menambah bilangan guru terlatih yang layak mengajar dalam bahasa Melayu.
- v) Langkah yang lebih lanjut lagi hendaklah diambil untuk mengukuhkan kedudukan bahasa kebangsaan dalam sistem pelajaran (Raja Mukhtaruddin, 1992:101-102).

Dengan itu jelaslah bahawa kedua-dua dokumen tersebut telah memainkan peranan penting dalam pembentukan Dasar Pendidikan Kebangsaan yang begitu menekankan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di semua peringkat pendidikan.

Pada hari ini, sistem pendidikan di peringkat rendah yang dibiayai oleh pihak kerajaan terbahagi kepada 2 jenis iaitu sekolah kebangsaan yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dan sekolah jenis kebangsaan yang menggunakan bahasa ibunda iaitu bahasa Cina atau Tamil sebagai bahasa pengantar. Secara umumnya kurikulum di kedua-dua jenis sekolah ini adalah sama walaupun sukatan pelajaran ada sedikit perbezaan (Shamsul Amri,

2012:205). Walaupun terdapat 2 jenis aliran sistem pendidikan namun ia tidak memisahkan kanak-kanak daripada komuniti berlainan. Sebaliknya, kepelbagaian ini dilihat sebagai peluang yang memberi pilihan kepada ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah yang menjadi pilihan. Pada masa kini, sekolah aliran kebangsaan turut membuka kelas bahasa Cina atau Tamil kepada pelajar yang majoriti Melayu. Sementara itu, peluang untuk mempelajari bahasa asing dan pendedahan kepada persekitaran yang pelbagai etnik akan mewujudkan sikap terbuka dan saling hormat menghormati (Shamsul Amri, 2012:205-206).

Selain itu, terdapat juga sekolah Wawasan yang dibina oleh kerajaan untuk menggalakkan interaksi antara etnik (Shamsul Amri, 2012:209). Ditubuhkan dengan tujuan seperti berikut:

- i. Mewujudkan perpaduan dalam kalangan murid yang berbagai bangsa dan latar belakang.
- ii. Memupuk semangat integrasi antara murid daripada pelbagai aliran.
- iii. Melahirkan generasi yang mempunyai sifat toleransi dan persefahaman yang tinggi demi mewujudkan sebuah negara bersatu padu.
- iv. Menggalakkan interaksi yang maksimum antara semua warga sekolah melalui perkongsian kemudahan sekolah dan pelaksanaan pelbagai aktiviti lain di sekolah (Shamsul Amri, 2012:209).

Antara sekolah Wawasan tersebut terdapat di Kompleks Wawasan Pekan Baru, Parit Buntar Perak, Kompleks Sekolah Wawasan Taman Aman, Alor Setar Kedah, Kompleks Sekolah Wawasan Tasik Permai, Pulau Pinang, Kompleks Sekolah Wawasan USJ 16, Subang Jaya Selangor dan Kompleks Sekolah Wawasan Pundut, Seri Manjung Perak (Shamsul Amri, 2012:209).

Peranan kerajaan terhadap pemupukan perpaduan komuniti pelbagai etnik melalui sistem pendidikan juga dapat dilihat melalui pendidikan menengah. Pada kebiasaannya, selepas tamat pendidikan sekolah rendah, pelajar akan meneruskan pendidikan mereka di peringkat sekolah menengah. Kebanyakannya memilih untuk melanjutkan pelajaran di sekolah menengah kebangsaan kerajaan. Bagi pelajar dari sekolah rendah jenis kebangsaan, mereka akan ditempatkan dalam kelas peralihan selama setahun bagi membolehkan mereka mendapat kefahaman dan penguasaan yang bahasa Melayu yang baik (Shamsul Amri, 2012:207). Apa yang penting adalah di peringkat sekolah menengah, bahasa Melayu dijadikan sebagai bahasa pengantar tetapi hak untuk meneruskan pembelajaran dalam bahasa ibunda dibenarkan sekiranya memenuhi syarat (Shamsul Amri, 2012:207).

Situasi tolak ansur juga dapat dilihat melalui pelaksanaan kelas moral bagi pelajar bukan beragama Islam sementara pelajar Melayu mengikuti pendidikan Islam. Hal ini penting untuk memupuk ikatan kesepaduan yang kukuh dan menanamkan sikap tolak ansur dalam kalangan komuniti pelbagai etnik di negara ini. Kerajaan juga bertindak membuka kuota memasuki Sekolah Berasrama Penuh dan Maktab Rendah Sains Mara bagi pelajar bukan Melayu (Shamsul Amri, 2012:208). Keadaan ini dilihat akan memberikan pelajar yang berlainan etnik untuk bergaul, berinteraksi dan memahami budaya etnik yang berbeza. Kemudian, setelah menamatkan pendidikan di peringkat sekolah menengah, pelajar berpeluang untuk melanjutkan pelajaran sama ada di Tingkatan 6, martikulasi ataupun diploma.

Usaha kerajaan untuk menerapkan semangat nasionalisme dan perpaduan melalui pendidikan diteruskan di peringkat universiti. Pelajar yang berkelayakan akan melanjutkan pelajaran di



institusi pengajian tinggi. Institusi pengajian tinggi di negara ini terbahagi kepada 2 iaitu institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) (Shamsul Amri, 2012:210). Kemasukan pelajar ke IPTA berasaskan meritokrasi membolehkan pelajar daripada pelbagai latar belakang bersaing secara sihat. Pelajar yang datang daripada pelbagai jenis aliran pendidikan dari seluruh negara akan tinggal dalam kampus yang sama selama berapa tahun. Situasi ini memberi banyak peluang kepada mahasiswa untuk belajar hidup berkongsi, bergaul dan berinteraksi antara etnik berbeza. Kerjasama antara mereka akan terjalin melalui aktiviti seperti menyiapkan tugas berkumpulan, kokurikulum dan berpersatuan (Shamsul Amri, 2012:211). Oleh itu jelaslah bahawa walaupun terdapat pelbagai aliran pendidikan yang diikuti semasa peringkat sekolah rendah dan menengah tetapi di alam varsiti perkongsian akan mewujudkan perpaduan yang kukuh dalam kalangan mahasiswa pelbagai etnik ini.

### **Cabaran Sistem Pendidikan**

Pendidikan merupakan salah satu alat penting untuk membentuk keperibadian bangsa. Namun sebagai sebuah negara yang mempunyai pelbagai sistem pendidikan yang pelbagai aliran sudah tentulah wujudnya cabaran dalam usaha untuk mewujudkan hubungan etnik yang harmoni. Semasa di bawah pentadbiran kolonial British, dasar pendidikannya telah menyebabkan pemisahan antara etnik. Situasi ini telah meninggalkan kesan terhadap perpaduan masyarakat pelbagai etnik kerana setiap etnik mempunyai sistem pendidikan mengikut acuan etnik masing-masing. Selain itu, sistem pendidikan yang berorientasikan negara asal masing-masing juga telah menyukarkan sifat taat setia kepada Tanah Melayu diwujudkan dalam kalangan masyarakat bukan Melayu. Kesannya, selepas mencapai kemerdekaan kerajaan Persekutuan Tanah Melayu berhadapan tanggungjawab yang besar untuk mengatasi pelbagai cabaran. Antara cabaran pengekalan pelbagai aliran pendidikan mengikut komuniti etnik masing-masing adalah untuk mengadakan satu pendidikan berteraskan satu bahasa kerana kewujudan perasaan bimbang akan kehilangan identiti, bahasa serta budaya etnik masing-masing.

Bahasa dan pendidikan merupakan dua perkara yang saling berkait antara satu sama lain. Apabila Persekutuan Tanah Melayu mendapat kemerdekaan pada tahun 1957, kerajaan telah meluluskan Perkara 152 (1) menjadi undang-undang untuk menguatkuasakan bahawa bahasa Melayu ialah bahasa kebangsaan bagi Persekutuan (Tun Mohamed Suffian bin Hashim, 1987:441). Dalam Perkara 152 (1) disebut dengan jelas bahawa bahasa kebangsaan adalah bahasa Melayu dan akan kekal seperti itu, seperti yang diperuntukkan oleh parlimen dengan peruntukan bahawa:

- (a) tidak akan ada seorang pun yang akan dihalang dari menggunakan (kecuali hal-hal rasmi) atau mengajar atau mempelajari bahasa-bahasa lain dan
- (b) tidak ada sebarang peruntukan dalam perkara ini yang boleh mengganggu hak kerajaan Persekutuan atau sebarang kerajaan Negeri untuk memelihara dan memperkembangkan penggunaan dan pengkajian bahasa komuniti lain (*Malaysia, Perlembagaan Persekutuan* (Terjemahan), 1972:171-172).

Pelaksanaan sistem pendidikan kebangsaan yang menekankan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan atau bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan kebangsaan bertujuan untuk melahirkan identiti kebangsaan. Konotasi Bahasa Jiwa Bangsa yang diuar-uarkan merupakan serampang dua mata bagi mempertingkatkan kemahiran berbahasa sebagai skil universal dalam improvisasi keyakinan dan keterampilan diri, sekaligus memartabatkan bahasa ibunda menjadi milik mutlak sesuatu bangsa (Irma Wani, Othman 2019c). Namun,

antara cabaran yang wujud dalam menjadikan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar tunggal dalam sistem pendidikan adalah kerana wujudnya pelbagai bahasa daripada komuniti etnik berlainan. Ini menjadi penghalang untuk mewujudkan perpaduan. Bertitik tolak dari perspektif tersebut, kesalinghubungan personaliti optimistik yang diterapkan ke dalam diri generasi muda melalui sistem pendidikan mampu menjadi penentu adaptasi sosio budaya selaras dengan pelaksanaan sistem pendidikan kebangsaan (Irma Wani, Othman 2019c).

Cabaran lain dapat adalah kekangan mewujudkan integrasi nasional. Berdasarkan beberapa kajian didapati bahawa pelajar Cina yang mengikuti sekolah kebangsaan dan berpendidikan Inggeris lebih mudah bergaul dengan pelajar Melayu berbanding pelajar dari sekolah jenis kebangsaan (Shamsul Amri, 2012:211). Dengan kata lain, pelajar etnik Cina yang mendapat pendidikan Inggeris kurang identiti kecinaannya dan lebih mudah bergaul dengan etnik lain sekaligus memudahkan integrasi nasional dibentuk. (Shamsul Amri, 2012:213-214). Sementara itu, pelajar Cina yang mendapat pendidikan di sekolah Cina pula adalah sebaliknya. Walau bagaimanapun, majoriti etnik Cina yang diwakili oleh *Dong Jiao Zong* menyatakan bahawa sekolah vernakular tidak mengakibatkan berlakunya polarisasi antara etnik malah meningkatkan daya saing negara di peringkat antarabangsa (Shamsul Amri, 2012:211).

### Kesimpulan

Secara keseluruhannya, dapatlah disimpulkan bahawa sistem pendidikan merupakan satu saluran untuk membolehkan perpaduan dicapai dalam masyarakat yang pelbagai di negara ini. Pendidikan berperanan penting dalam proses mewujudkan komuniti pelbagai etnik yang bersatu padu. Pendidikan menjadi antara platform utama dalam usaha kerajaan untuk melaksanakan pelbagai dasar pendidikan yang dapat memenuhi keperluan semua etnik. Malaysia sebuah negara yang unik kerana masih mengunapakai sistem pendidikan kebangsaan di samping meneruskan sistem pendidikan vernakular. Kedua-dua aliran pendidikan dilihat berkembang seiring bukan sahaja dapat memenuhi citarasa rakyat terhadap pendidikan tetapi juga melengkapi generasi muda dengan pelbagai ilmu pengetahuan terutamanya kemahiran dan penguasaan pelbagai bahasa lain. Namun demikian, cabaran yang wujud tidak boleh diabaikan oleh kerajaan yang menggalas tugas penting untuk merangka dasar pendidikan yang lebih baik mengelakkan berlaku konflik etnik seterusnya dapat memupuk hubungan etnik yang harmoni.

### Penghargaan

Manuskrip ini dihasilkan berasaskan dana Geran Penyelidikan Penerbitan sumbangan Global Academic Excellence (GAE) (Kod Geran: TLS2111).

### Rujukan

- Alis Puteh. (2015). *Kelangsungan Bahasa Melayu dalam Sistem Pendidikan Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 81.
- Arasaratnam, S. (1970). *Indians in Malaysia and Singapore*, Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Awang Had Salleh. (1980). *Pendidikan ke Arah Perpaduan: Sebuah Perspektif Sejarah*, Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Awang Had Salleh. (1981). "Sekolah Melayu, Sekolah Rakyat dan Pondok di Kedah." Dalam *Konvensyen Sejarah Kedah di Alor Setar, Kedah*.
- Azmah Abdul Manaf. (2005). *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*, Selangor: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Barbara Watson Andaya & L.Y. Andaya. (1983). *Sejarah Malaysia*, Petaling Jaya: MacMillan Publisher Sdn. Bhd.

- Cheeseman, H.R. (1979). "Education in Malaya 1900-1941", *Malaysia in History*, Vol. 22. Persatuan Sejarah Malaysia.
- F.M.S. Civil List, 1904.*
- Federation of Malaya, *The Education Act, 1961*, Kuala Lumpur, 1961.
- Fennell, T.R. (1968). "Commitment to Change: A History of Malayan Education Policy 1945-1957 (Part 1 and Part 2), Disetasi PhD, University of Hawaii.
- Irma Wani, Othman. (2019a). Personaliti Optimistik Sebagai Faktor Penentu Adaptasi Sosio Budaya Akademik Ekspatriat di Universiti Awam di Malaysia. *Advanced International Journal of Business, Entrepreneurship and SMEs*, 1 (2): 01-13.
- Irma Wani, Othman. (2019b). Identiti Budaya dan Semangat Patriotisme Negara Asal dalam Pengekalan Akademik Ekspatriat di Universiti Awam Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 4(17): 144-158.
- Irma Wani, Othman. (2019c). Kemahiran Penggunaan Bahasa Sebagai Skil Universal dalam Improvisasi Keyakinan dan Keterampilan Jati Diri Akademik Ekspatriat di Universiti Awam Malaysia. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences*, 2(10): 91-106.
- Ishak Saat. (2009). *Malaysia 1945-2000*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Malaysia, Perlembagaan Persekutuan* (Terjemahan). (1972). Jabatan Peguam Negara, Kuala Lumpur: Jabatan Cetak Kerajaan.
- Mastika*, November 1960.
- Penyata Jawatan-kuasa Pelajaran 1956*, Kuala Lumpur: Caxton Press Ltd.
- Perjanjian & Dokumen Lama Malaysia 1791-1965*. (2013). Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Purcell, V. (1967). *The Chinese in Malaya*, Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Raja Mukhtaruddin Raja Mohd. Dain. (1992). *Pembinaan Bahasa Melayu: Perancangan Bahasa di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramlah Adam. (2009). *Biografi Tunku Abdul Rahman Putra*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rauf, M.A. (1967). *Iktisas Sejarah Islam*, Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Roff, William R. (2014). Nasionalisme Melayu, (Penterjemah Ahmad Boestamam), Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Shamsul Amri Baharuddin (ketua editor), *Modul Hubungan Etnik*, (Edisi Kedua). (2012). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sharifah Darmia Binti Sharif Adam. (2018). "Perkembangan Perkhidmatan Awam di Persekutuan Tanah Melayu, 1948-1970", Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Stevenson, Rex. (1975). *Cultivators and Administrators*, Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Sufean Hussin. (2002). *Dasar Pembangunan Pendidikan Malaysia Teori dan Analisis*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Straits Times*. (31 Ogos 1957).
- Tunku Abdul Rahman. (1977). *Looking Back*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Tun Mohamed Suffian bin Hashim. (1987). *Mengenal Perlembagaan Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Utusan Melayu*. (1 September 1957).
- Wong, F. H. K. (1972). *Perspectives: The Development of Education in Malaya and Singapore*, Kuala Lumpur: Heinemann Educational Books (Asia Ltd.).

Yeo Kim Wah. (1982). *The Politics of Decentralization: Colonial Controversy in Malaya 1920-1929*, Kuala Lumpur: Oxford University Pr